

Dialog kesan, pemuliharaan khazanah marin di UMS 8 Jun ini

KOTA KINABALU 1 Jun – Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan dialog mengenai kesan dan pemuliharaan khazanah marin di bilik seminar 1, IPMB di UMS pada 8 Jun ini.

Pengerusi Pengangsur, Dr. Pushpa Palaniappan berkata, dialog “Pandangan dunia mengenai kesan terhadap perikanan, biodiversiti dan akuakultur” akan diadakan selama sejam bermula pukul 3 petang.

Katanya, dialog tersebut akan memaparkan penemuan menakjubkan dalam perikanan, akuakultur dan biodiversiti dunia.

“Dialog ini akan dikendalikan oleh saintis terkenal dari Amerika Syarikat, Dr. Theresa Bert yang telah menghasilkan begitu banyak penyelidikan termasuk menghasilkan lebih 80 artikel penyelidikan saintifik.

“Orang ramai dijemput hadir bagi mendapatkan maklumat dan berkongsi pandangan mengenai perikanan, biodiversiti dan akuakultur,” katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Menurutnya, antara isu yang akan dibincangkan termasuklah kesan antara pembangunan, industri dan aktiviti manusia terhadap khazanah marin.

Katanya, dialog itu juga akan mengetengahkan beberapa jalan penyelesaian yang perlu dilaksanakan bagi memulihara khazanah laut di seluruh dunia.

Tambahnya, mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai program itu boleh menghubungi beliau di talian 088-320000.